# Panduan Penerapan Elemen Paradigma Tauhid dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Penulis:**
Halimi Mohd Khalid[1], Ruzairi Abdul Rahim[2], Azme Khamis[3]
**E-mel:**
halimi@uthm.edu.my[1], ruzairi@uthm.edu.my[2],
azme@uthm.edu.my[3]

**Abstrak:** Kemenjadian pelajar secara holistik menjadi suatu hasrat murni yang ingin direalisasikan oleh setiap institusi pendidikan dan warga pendidik itu sendiri tanpa mengira bidang dan pengkhususan. Sebagai sebuah universiti yang memfokuskan kepada sains dan teknologi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah mengambil suatu pendekatan yang dilihat sebagai unik iaitu dengan meletakkan frasa Paradigma Tauhid dalam misi dan falsafah universiti. Menterjemahkan perkataan Paradigma Tauhid dalam aspek pengajaran dan pembelajaran menjadi suatu agenda yang penting kerana ianya merupakan nadi utama yang mendukung ekosistem sesebuah universiti. Mekanisme yang digunapakai perlulah menggabungkan elemen-elemen penting merangkumi aspek jasmani,emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dokumen Panduan Penerapan Elemen Paradigma Tauhid dalam Pengajaran dan Pembelajaran merupakan suatu kaedah yang menggunakan pendekatan pengintegrasian ilmu yang diwarisi dari para ilmuan Islam terdahulu bagi membantu universiti ke arah merealisasikan misi dan falsafah universiti.

**Kata kunci:** Sains, teknologi, paradigma, tauhid




# *Panduan*
# Penerapan Elemen Paradigma Tauhid
## dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Halimi Mohd Khalid**
**Ruzairi Abdul Rahim**
**Azme Khamis**

Penerbit UTHM

# *Panduan* Penerapan Elemen Paradigma Tauhid

## dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Paradigma Tauhid.indd 1 17-Apr-23 10:35:09 AM

# Panduan
# Penerapan Elemen Paradigma Tauhid
## dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Halimi Mohd Khalid**
**Ruzairi Abdul Rahim**
**Azme Khamis**

Penerbit UTHM
**2023**

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia
Editor: Halimi Mohd Khalid, Ruzairi Abdul Rahim, Azme Khamis

ISBN: 978-629-7566-06-1

Diterbitkan dan Dicetak oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 7428 / 7452
Faks: 07-453 6145

Laman web: http://penerbit.uthm.edu.my
E-mel: pt@uthm.edu.my
http://e-bookstore.uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| *Sekapur Sirih* | vii |
| *Penghargaan* | ix |
| *Prakata Ketua Editor* | xi |
| *Jawatankuasa Pembangunan Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia* | xiii |
| Visi UTHM | 1 |
| Hala Tuju UTHM | 2 |
| Misi UTHM | 3 |
| Objektif UTHM | 4 |
| Falsafah Pendidikan UTHM | 5 |
| Nilai Bersama UTHM | 6 |
| Model Hussein UTHM | 9 |
| Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | 10 |
| Pendahuluan | 11 |
| Unsur Penting Dalam Amalan Paradigma Tauhid di UTHM | 12 |
| Aktiviti Dimensi 1 (Niat) | 16 |
| Aktiviti Dimensi 2 (Hubungan Baik Dengan Tuhan) | 20 |
| Aktiviti Dimensi 3 (Ikhlas) | 26 |
| Aktiviti Dimensi 4 (Integriti/Jujur) | 30 |
| Aktiviti Dimensi 5 (Sabar) | 36 |

| | |
|---|---|
| Aktiviti Dimensi 6 (Tawadhuk) | 40 |
| Aktiviti Dimensi 7 (Bijaksana) | 44 |
| Aktiviti Dimensi 8 (Pembelajaran Sepanjang Hayat) | 48 |
| Aktiviti Dimensi 9 (Penyelidikan Dan Inovasi) | 52 |
| Aktiviti Dimensi 10 (Profesional/Itqon) | 56 |
| Aktiviti Dimensi 11 (Penguasaan Ilmu) | 60 |
| Aktiviti Dimensi 12 (Toleransi) | 64 |
| Aktiviti Dimensi 13 (Memelihara Hubungan) | 68 |
| Aktiviti Dimensi 14 (Berfikiran Positif) | 72 |
| Aktiviti Dimensi 15 (Budaya Kerja) | 78 |
| Aktiviti Dimensi 16 (Kesukarelawanan) | 82 |
| Aktiviti Dimensi 17 (Keprihatinan) | 86 |
| Aktiviti Dimensi 18 (Bersederhana) | 90 |
| Aktiviti Dimensi 19 (Menjaga Batas Pergaulan) | 94 |
| Aktiviti Dimensi 20 (Kemaafan Dan Keampunan) | 98 |
| Aktiviti Dimensi 21 (Kawalan Sifat Mazmumah) | 102 |
| Aktiviti Dimensi 22 (Pengawalan Stress) | 108 |
| Aktiviti Dimensi 23 (Bertanggungjawab) | 114 |
| Aktiviti Dimensi 24 (Kecekapan Pengurusan Sumber) | 118 |
| | |
| Penutup | 123 |

# SEKAPUR SIRIH



**Profesor Ts. Dr. Ruzairi bin Abd Rahim**
**Naib Canselor**
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya berpeluang menitipkan kata alu aluan di dalam buku Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Saya selaku Naib Canselor ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Azme bin Khamis (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa), kumpulan penulis dan semua pihak yang terlibat dalam usaha untuk menyiapkan sebuah naskah yang bakal menjadi panduan kepada semua staf akademik di UTHM dalam usaha untuk merealisasikan misi dan falsafah UTHM yang berteraskan Paradigma Tauhid. Kalimah Paradigma Tauhid merupakan sebuah rangkai kata yang sarat mengandungi maksud yang tulus dan suci iaitu mengembalikan manusia kepada asal fitrah kejadiannya. Meletakkan perkataan ini dalam ruang persekitaran universiti yang menekankan sains dan teknologi menggambarkan hasrat murni UTHM untuk mewujudkan sebuah ekosistem yang seimbang dari sudut kemenjadian warga universiti yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu staf, pelajar dan sistem. Akhir kata besarlah harapan saya agar buku Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid Universiti Tun Hussein Onn ini akan menjadi satu titik permulaan untuk warga UTHM memahami, menghayati dan melaksanakan elemen-elemen Paradigma Tauhid dalam setiap aspek dan bidang khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

Sekian. Terima kasih dan Selamat Maju Jaya



# PENGHARGAAN

**Profesor Ts. Dr. Azme bin Khamis**
**Timbalan Naib Canselor**
**(Akademik dan Antarabangsa)**
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**



Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian dan syukur dipanjatkan kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid Dalam Pembelajaran dan Pengajaran telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kumpulan Penyelidik Penerapan Paradigma Tauhid Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang telah berusaha dengan begitu gigih untuk menghasilkan Panduan Pelaksanaan ini khususnya untuk dimanfaatkan oleh kelompok sasaran iaitu para staf akademik dan pelajar. Adalah menjadi harapan pihak universiti agar seluruh warga UTHM akan dapat memahami dan menguasai aspek-aspek penting yang terkandung dalam Paradigma Tauhid untuk diamalkan dan seterusnya membentuk identiti warga UTHM yang harmonis dan seimbang untuk mencapai kecemerlangan yang sebenar-benarnya. Usaha gigih dan komitmen daripada semua yang terlibat menggambarkan kualiti kerjasama di UTHM berada pada tahap yang sungguh cemerlang. Teruskanlah usaha murni dengan menyediakan Panduan Pelaksanaan berkualiti dan mampu menyokong ke arah merealisasikan pelaksanaan penerapan Paradigma Tauhid di kampus yang tercinta ini.



Paradigma Tauhid.indd 9 17-Apr-23 10:35:10 AM

# PRAKATA KETUA EDITOR

Dengan kalam Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum wrkth dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur kita kehadrat Illahi kerana dengan limpah izin dan kurniaNya maka Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid dalam Pengajaran dan Pembelajaran telah dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghormatan dan ucapan terima kasih kepada barisan penulis yang telah berusaha dengan gigih bagi menyiapkan penulisan Panduan Pelaksanaan ini sebagai wadah panduan kepada penerapan dan pelaksanaan elemen-elemen Paradigma Tauhid kepada seluruh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia khususnya bagi staf akademik dan pelajar.

Sesungguhnya hasrat untuk merealisasikan misi dan falsafah UTHM yang meletakkan Paradigma Tauhid sebagai teras utama memerlukan kepada kerjasama dan komitmen yang teguh daripada semua pihak. Konsep asas Paradigma Tauhid yang meletakkan tiga asas utama iaitu menjaga hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam bagi mencapai kejayaan universiti yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang berbahagia Profesor Ts Dr Azme bin Khamis selaku Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa atas segala inisiatif, nasihat dan bimbingan yang diberikan sepanjang penulisan Panduan Pelaksanaan ini. Juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyokong penulisan dan seterusnya penerbitan Panduan Pelaksanaan ini.

Mengakhiri wadah saya pada kali ini, saya mewakili barisan penulis Panduan Pelaksanaan Penerapan Paradigma Tauhid dalam Pengajaran dan Pembelajaran ini memohon kemaafan atas apa kelemahan dan kekurangan kami dalam penghasilan Panduan Pelaksanaan ini. Semoga penghasilan Panduan Pelaksanaan ini akan dapat membantu salah satu inisiatif yang efektif bagi merealisasikan misi dan falsafah UTHM yang sangat mulia dan menghasilkan satu ekosistem universiti yang harmoni, seimbang dan holistik.

**Dr. Halimi binti Mohd Khalid**



Paradigma Tauhid.indd 11 17-Apr-23 10:35:10 AM

# PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PARADIGMA TAUHID

# PENDAHULUAN

Paradigma Tauhid merupakan sebuah kerangka alam yang menggabungkan tiga hubungan utama iaitu hubungan antara manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam yang berteraskan kepada tiga asas utama iaitu iman, ilmu dan amal. Bagi menterjemahkan maksud rangkai kata yang sarat mengandungi makna ini, kepada bentuk yang boleh diaplikasikan, kumpulan penyelidik Paradigma Tauhid UTHM telah membangunkan sebuah model yang dikenali sebagai Model Paradigma Tauhid Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Model yang dibangunkan ini meletakkan lima konstruk utama iaitu kerohanian, keilmuan, sikap dan keperibadian, sosial dan organisasi dan pengurusan sumber sebagai asas kepada pembinaan tiga puluh empat elemen Paradigma Tauhid.

Elemen Paradigma Tauhid merupakan kerangka yang mengandungi himpunan nilai yang dipilih berdasarkan kepada kepercayaan dan peraturan Allah SWT sebagai panduan kepada warga UTHM dalam melaksanakan tugas bagi memenuhi tuntutan ibadah dan khalifah. Ia akan membawa kepada penghayatan bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan bertujuan untuk membawa kebaikan kepada manusia dengan matlamat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan bukan untuk meraih sanjungan manusia atau keuntungan material semata-mata.

Penerapan elemen Paradigma Tauhid dalam aspek pengajaran dan pembelajaran akan melibatkan dua puluh empat elemen sebagaimana yang akan dijelaskan dalam jadual berikutnya. Ia terdiri daripada empat elemen teras iaitu niat, hubungan dengan Tuhan, integriti dan penguasaan ilmu. Keempat-empat elemen teras ini akan diterapkan kepada semua pelajar melalui semua kursus yang ditawarkan kepada pelajar termasuklah melalui matapelajaran yang ditawarkan oleh kursus kokurikulum berkredit (KKB). Bagi kursus yang terlibat di bawah matapelajaran umum (MPU), disamping empat elemen teras tersebut, perlulah juga menerapkan baki dua puluh elemen yang lain. Manakala kursus yang ditawarkan di fakulti dikehendaki memilih elemen yang bersesuaian dengan domain hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Sebagimana yang dinyatakan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kemenjadian pelajar adalah diukur dari aspek yang merangkumi intelek,rohani,emosi dan jasmani. Justeru adalah diharapkan melalui penerapan elemen-elemen paradigma tauhid ini pelajar-pelajar yang melalui proses pendidikan di UTHM akan menjadi generasi pelajar yang seimbang dan harmoni dengan menjadikan kepatuhan kepada Tuhan sebagai landasan yang utama.

# AKTIVITI
# DIMENSI 1
# (Niat)



## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 1 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Niat |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan niat.<br>2. Menghuraikan kepentingan niat.<br>3. Mengamalkan niat kerana Allah SWT/Tuhan dalam segala perbuatan. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Definisi niat.<br>2. Kepentingaan niat terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan.<br>3. Sejauhmana pengetahuan tentang niat dapat membezakan sesuatu perbuatan itu mendapat ganjaran baik atau sebaliknya.<br>4. Bagaimana pelaksanaan sesuatu perbuatan kerana Allah SWT/ Tuhan.<br>5. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud**:<br>Niat menurut bahasa; tujuan hati atau kehendak hati.<br>Niat mengikut istilah; ialah gerak hati ke arah sesuatu pekerjaan untuk mencari keredaan Allah SWT/ Tuhan dan menyatakan tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT/ Tuhan. Oleh itu, setiap amal mesti disertai dengan niat hanya untuk **Allah SWT/ Tuhan.**<br><br>**Kepentingan**:<br>Niat adalah faktor untuk mewujudkan atau melahirkan amal. Jika amalan yang dilakukan adalah niat kerana **Allah SWT/ Tuhan**, maka kita akan mendapat pahala/ ganjaran kebaikan. Namun, jika niat selain daripada itu, maka amalan kita adalah sia-sia. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 2
## (Hubungan Baik Dengan Tuhan)

PARADIGMA TAUHID



## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 2 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Hubungan baik dengan Tuhan |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Memahami berkaitan hubungan baik dengan Allah SWT/ Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungan sesama makhluk.<br>2. Menjelaskan kepentingan berkaitan hubungan baik dengan Allah SWT/ Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungan sesama makhluk.<br>3. Mengamalkan hubungan baik dengan Allah SWT/ Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungan sesama makhluk. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana hubungan menjaga solat 5 waktu dan perbuatan-perbuatan yang baik.<br>2. Bagaimana pelaksanaan adab semasa manusia tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>1. Hubungan dengan Allah sering disebut Hablum Minallah (حَبْلٍ مِّنْ اللَّهِ)/ hubungan dengan Tuhan.<br>2. Hubungan dengan sesama manusia sering disebut Hablum Minannas (حَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ)/ Hubungan sesama manusia.<br>3. Hubungan sesama makhluk.<br><br>**Kepentingan:**<br>1. Hablum minallah/ hubungan dengan Tuhan ditunaikan dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT dengan beribadah dan meninggalkan segala larangan-Nya. |

# AKTIVITI DIMENSI 3 (Ikhlas)

PARADIGMA TAUHID



Paradigma Tauhid.indd 25 17-Apr-23 10:35:16 AM

## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 3 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Ikhlas |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan Ikhlas.<br>2. Menjelaskan kepentingan Ikhlas.<br>3. Mengamalkan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT/ Tuhan dalam segala perbuatan. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauh mana lahirnya keikhlasan dalam perbuatan, tidak mengeluh, tidak mengharap pujian dan ganjaran, tidak berkira, sikap kesukarelawanan.<br>2. Bagaimana memastikan segala amalan yang dilaksanakan adalah semata-mata kerana Allah SWT/ Tuhan yang Mencipta.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>1. Bersih dan murni.<br>2. Melaksanakan segala amalan atau perbuatan semata-mata kerana Allah SWT/ Tuhan dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada-Nya.<br><br>Menurut pendapat imam al-Ghazali dalam kitab Ihya Ulumuddin, ikhlas dari sudut bahasanya adalah bermaksud perbuatan yang bersih, tulus serta murni.<br>Manakala dari segi istilahnya pula ialah segala perbuatan yang dilaksanakan dengan niat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT/ Tuhan semata-mata beserta dengan niat yang murni kerana-Nya.<br><br>**Kepentingan:**<br>1. Ikhlas bermula dengan niat kerana Allah SWT/ Tuhan. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 4
# (Integriti/Jujur)



Paradigma Tauhid.indd 29 17-Apr-23 10:35:17 AM

## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 4 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Integriti/Jujur dan benar |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan integriti dan benar dalam kehidupan.<br>2. Menjelaskan kepentingan bersikap integriti dan benar.<br>3. Mengamalkan sikap integriti dan benar dalam setiap tindakan dengan menunjukkan sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana amalan Integriti dapat dilaksanakan dalam kehidupan sehingga segala perbuatan yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan penuh rasa amanah, benar dan tanggungjawab.<br>2. Bagaimana memastikan segala amalan yang dilakukan terhindar dari sikap tidak amanah, khianat, mementingkan diri sendiri, penyalahgunaan kuasa, malas dan tidak bersungguh dalam melaksanakan tanggungjawab.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>Kebertanggungjawaban melalui sikap jujur, telus, berpegang kepada prinsip, amanah dan adil bagi menjaga maruah diri dan organisasi.<br><br>**Kepentingan:**<br>1. Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait rapat dengan etika dalam tindakan yang dilakukan. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI DIMENSI 5 (Sabar)



Paradigma Tauhid.indd 35 17-Apr-23 10:35:18 AM

## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 5 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Sabar |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan Sabar dalam kehidupan.<br>2. Menjelaskan kepentingan sikap sabar.<br>3. Mengamalkan sikap Sabar dalam melaksanakan ketaatan/ perintah kepada Allah SWT/ Tuhan, bersabar terhadap maksiat/ perbuatan buruk dan bersabar dalam menghadapi ujian dan cabaran kehidupan. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana amalan Sabar dapat dilaksanakan dalam kehidupan sehingga seseorang itu dapat menahan diri dalam menghadapi ujian dan tidak mudah marah, tidak putus asa dan tidak patah hati.<br>2. Bagaimana memastikan amalan yang dilaksanakan dengan tenang, tidak tergesa-gesa dan tidak terikut hawa nafsu.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>1. Tabah dalam melaksanakan tanggungjawab dan tenang menghadapi ujian dalam persekitaran universiti.<br>2. Menahan diri dari melakukan perkara yang tidak sepatutnya disebabkan sesuatu perkara yang berlaku.<br>**Kepentingan:** Imam Ghazali dalam kitabnyaMukasyafatul Qulub, menyatakan bahawa Sabar terdiri dari tiga bahagian, iaitu<br>1. Sabar dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT/ Tuhan,<br>2. Sabar dalam menjauhi larangan-larangan Allah SWT/ Tuhan,<br>3. Sabar dalam menerima dan menghadapi musibah. |

# AKTIVITI
# DIMENSI 6
# (Tawadhuk)



Paradigma Tauhid.indd 39 17-Apr-23 10:35:18 AM

## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 6 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Tawadhuk / Merendah Diri |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan sikap merendah diri dalam kehidupan.<br>2. Menjelaskan kepentingan merendah diri.<br>3. Mengamalkan sikap merendah diri dengan menunjukkan sikap tenang, sederhana, dan bersungguh-sungguh menjauhi rasa takabur (bangga diri). |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana amalan merendah diri dapat dilaksanakan dalam kehidupan sehingga segala perbuatan yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan penuh rasa hormat kepada orang lain.<br>2. Bagaimana memastikan amalan yang dilaksanakan jauh dari sifat sombong dan bangga diri.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>Rendah hati, tidak sombong, memuliakan dan mendahulukan kepentingan serta menghargai pendapat orang lain.<br><br>**Kepentingan:**<br>Orang yang bersikap merendah diri tidak akan melihat diri sendiri lebih baik dari orang lain. Dia menyedari bahawa sumber kenikmatan datangnya dari Allah SWT/ Tuhan yang perlu disyukuri dan dihargai. Tidak ada rasa sombong dan merasa lebih baik pada orang lain. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 7
# (Bijaksana)



## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 7 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Kerohanian |
| **DIMENSI** | Bijaksana |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan sikap Bijaksana dalam kehidupan.<br>2. Menjelaskan kepentingan sikap Bijaksana.<br>3. Mengamalkan sikap bijaksana dengan menunjukkan sikap tenang, membuat keputusan yang adil, baik untuk dirinya sendiri maupun terhadap orang lain. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana amalan Bijaksana dapat dilaksanakan dalam kehidupan sehingga segala perbuatan yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan penuh hikmah.<br>2. Bagaimana memastikan segala amalan yang dilakukan terhindar dari sikap terburu-buru dan tidak memikirkan kesan dan risiko yang akan berlaku.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>Sikap dan tindakan bersandarkan alasan, tujuan dan proses kerja yang jelas bagi menghasilkan keputusan yang baik dan tepat.<br>Sikap seseorang yang bertindak berdasarkan akal yang waras dan bersesuaian sehingga dapat bersikap tepat dalam menghadapi setiap keadaan.<br><br>**Kepentingan:**<br>1. Dapat menghargai dirinya sendiri.<br>2. Berpikir terlebih dahulu sebelum membuat kenyataan atau berfikir sebelum berkata.<br>3. Menjadi pendengar yang baik.<br>4. Berkata dan bertindak mengikut kesesuaian tempat dan situasi. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 8
## (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

PARADIGMA TAUHID



Paradigma Tauhid.indd 47 17-Apr-23 10:35:20 AM

# PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 8 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Keilmuan |
| **DIMENSI** | Pembelajaran Sepanjang Hayat |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Memahami maksud Pembelajaran Sepanjang Hayat.<br>2. Menjelaskan kepentingan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk membina generasi yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran.<br>3. Mempraktikkan budaya keilmuan yang tinggi dan bersifat holistik. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauhmana kefahaman pelajar tentang kepentingan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam konteks pembentukan generasi yang bertamadun dan berperadaban yang tinggi.<br>2. Bagaimanakah kaedah-kaedah Pembelajaran Sepanjang Hayat dilaksanakan.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>• Suatu proses menuntut ilmu pengetahuan melalui pendidikan yang merangkumi program meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau secara tidak formal.<br>• Suatu usaha yang berterusan untuk memperoleh dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan kemahiran, pengalaman pendidikan bermula sejak kecil hinggalah ke akhir hayat.<br>• Pembelajaran sepanjang hayat merujuk kepada proses memperoleh pengetahuan dan mempelajari kemahiran baru sepanjang hidup. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 9
# (Penyelidikan dan Inovasi)

PARADIGMA
TAUHID



## PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 9 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Penguasaan Ilmu |
| **DIMENSI** | Penyelidikan dan Inovasi |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan budaya penyelidikan dan inovasi.<br>2. Menjelaskan kepentingan berkaitan penyelidikan dan inovasi.<br>3. Menerapkan dan menggalakkan budaya penyelidikan dan inovasi. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauh mana pengetahuan tentang budaya penyelidikan dan inovasi.<br>2. Bagaimana budaya penyelidikan dan inovasi dapat menambahkan ilmu pengetahuan di samping dapat memupuk sifat kreativiti dalam diri seseorang individu.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>Penyelidikan: Aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan untuk mewujudkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. (Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya: 2012).<br>Inovasi: Penciptaan serta implementasi berbentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baru, yang berupaya memberi peningkatan yang signifikan terhadap hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti. (Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya: 2012).<br>**Kepentingan:**<br>1. Merupakan tuntutan agama dalam mencari ilmu.<br>2. Meningkatkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang.<br>3. Memperbaiki cara hidup sesuai dengan arus perkembangan semasa. |

PARADIGMA TAUHID

# AKTIVITI
# DIMENSI 10
# (Profesional/Itqon)



# PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 10 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Keilmuan |
| **DIMENSI** | Profesional/Itqan |
| **PERALATAN** | - |
| **OBJEKTIF** | Pada akhir sesi pembelajaran pelajar akan dapat:-<br>1. Kefahaman berkaitan sikap Profesional.<br>2. Menjelaskan kepentingan amalan Profesional.<br>3. Mengamalkan sikap Profesional dalam segala perbuatan dan tindakan. |
| **PROSEDUR** | Interaksi antara pelajar berkaitan:<br>1. Sejauh mana pengetahuan tentang sikap profesional yang dapat menjadikan seseorang itu lebih bijak dan matang dalam segala tindakan.<br>2. Bagaimana sikap profesional dapat menjadikan seseorang itu lebih berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara.<br>3. Memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. |
| **FALSAFAH/ PENILAIAN** | **Maksud:**<br>Menyempurnakan sesuatu tanggungjawab dengan usaha yang terbaik sebagaimana dikehendaki.<br>Profesional dalam beramal atau bekerja bermaksud menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan daripada seseorang sebagaimana yang dikehendaki oleh orang tersebut tanpa kurang sedikit pun dengan sesempurna mungkin disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan.<br><br>**Kepentingan:**<br>1. Tekun di dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan adalah perantaraan untuk mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah SWT/ Tuhan.<br>2. Allah SWT kasih kepada orang-orang yang tekun dalam dalam bekerja sebagaimana hadith di atas. |



Paradigma Tauhid.indd 56 17-Apr-23 10:35:22 AM

# AKTIVITI
# DIMENSI 11
# (Penguasaan Ilmu)

PARADIGMA
TAUHID

# PANDUAN PELAKSANAAN PENERAPAN PARADIGMA TAUHID

| **AKTIVITI** | Dimensi Paradigma Tauhid 11 |
|---|---|
| **KONSTRUK** | Keilmuan |
| **DIMENSI** | Penguasaan Ilmu |
| **PERALATAN** | - |
